

1. Cikgu Mardiah sentiasa bersabar terhadap pelbagai kerenah anak murid di sekolahnya, _____.

- ☐ A gigi dengan lidah ada kalanya tergigit juga
- ☐ B di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- ☐ C carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
- ☐ D banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam

2. Azwan memakai pakaian yang tebal ketika berada di Tanah Tinggi Cameron kerana suasana di sana _____.

- ☐ A gelap seperti malam
- ☐ B jernih seperti cermin
- ☐ C sibuk macam lebah
- ☐ D sejuk seperti salji

3. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Pencuri-pencuri itu segera melarikan diri apabila dikejar oleh polis.

- ☐ A bagai itik pulang petang
- ☐ B bagai murai dicabut ekor
- ☐ C seperti kumbang putus tali
- ☐ D bagai lebah menghimpun madu

4. Puan Sabariza tidak gemar membeli pakaian di butik itu kerana harga pakaian yang dijual di situ _____.

- ☐ A keras seperti batu
- ☐ B manis seperti gula
- ☐ C mahal seperti emas
- ☐ D malas seperti keldai

5. Tulisan Hafizi terlalu buruk seperti _____ sehingga sukar untuk dibaca oleh gurunya.

- ☐ A cepat tangan
- ☐ B cakar ayam
- ☐ C cuci tangan
- ☐ D buruk siku

6. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Ibunya meninggal dunia akibat penyakit jantung pada bulan lepas. Tiga bulan kemudian, bapanya pula maut dalam kemalangan jalan raya.

- ☐ A hujan berbalik ke langit
- ☐ B mendukung biawak hidup
- ☐ C antan patah lesung hilang
- ☐ D habis madu sepah dibuang

7. Shazila _____ apabila melihat jam tangan pintar yang dijual di kedai itu cantik be

- ☐ A cuci mata
- ☐ B putih mata
- ☐ C gelap mata
- ☐ D rambang mata

8. Puan Zainah bersikap _____ kerana menyebelahi rakan baiknya walaupun telah terbukti rakan baiknya itu telah melakukan kesalahan.

- ☐ A berat sebelah
- ☐ B lepas tangan
- ☐ C atas pagar
- ☐ D berat hati

9. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Sejak Muaz berjawatan besar, dia kerap membeli pakaian yang mahal-mahal untuk dipakai ke pejabat.

- ☐ A makin murah makin menawar
- ☐ B besar periuk, besarlah keraknya
- ☐ C berdiri sama tinggi duduk sama rendah
- ☐ D baik berjagung-jagung sementara padi belum masak

10. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Jalil kelihatan gelisah apabila guru disiplin hendak membuat pemeriksaan mengejut terhadap beg sekolah murid-murid.

- ☐ A seperti emas baru disepuh
- ☐ B seperti cicak makan kapur
- ☐ C seperti cacing kepanasan
- ☐ D seperti gergaji dua mata

11. Kasihan sungguh Mak Misah. Oleh sebab hidupnya susah, tiada sesiapa yang peduli akan dirinya. Nasib Mak Misah samalah _____.

- ☐ A seperti abu di atas tunggul
- ☐ B seperti melukut di tepi gantang
- ☐ C seperti kaca terhempas ke batu
- ☐ D seperti anak ayam kehilangan induk

12. Hanif yang _____ itu kelihatan gugup dan menggelabah sewaktu diminta untuk bercakap di perhimpunan sekolah.

- ☐ A tin kosong
- ☐ B pening lalat
- ☐ C keramat hidup
- ☐ D darah gemuruh

13. Pekerjaan bergaji rendah itu dianggapnya sebagai _____ untuk memperoleh pekerjaan yang lebih baik pada masa hadapan.

- ☐ A bidan terjun
- ☐ B batu loncatan
- ☐ C langkah kanan
- ☐ D membuka jalan

14.



Peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan peristiwa yang dipaparkan dalam gambar di atas ialah...

- ☐ A air sama air, sampan ke tepi juga.
- ☐ B cubit paha kanan, paha kiri terasa juga.
- ☐ C ada ubi ada batas, ada masa boleh balas.
- ☐ D sependai-pandai tupai melompat, sekali terjatuh juga.

15.

Jika ular menyusur akar, tiada hilang bisanya

Peribahasa di atas memberikan pengajaran kepada kita supaya...

- ☐ A bersopan santun terhadap sesiapa sahaja.
- ☐ B bersikap rendah diri dengan orang bawahan.
- ☐ C berwaspada sebelum mendapat apa-apa bencana.
- ☐ D bersikap bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

16. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Peserta pertandingan tarian tradisional itu masih membicarakan hal-hal yang berkaitan dengan karnival kebudayaan itu.

- ☐ A sudah terhantuk baru tengadah
- ☐ B sudah jatuh ditimpa tangga
- ☐ C rumah siap pahat berbunyi
- ☐ D menangis tidak berlagu

17. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Lina yang cemerlang dalam pelajaran menjadi murid kesayangan guru kelasnya.

- ☐ A anak emas
- ☐ B bidan terjun
- ☐ C anak angkat
- ☐ D ayam tambatan

18. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Bandar raya Kuala Lumpur semakin sesak. Kebanyakan orang berhijrah ke Kuala Lumpur kerana banyak sumber rezeki di sana.

- ☐ A ada sampan hendak berenang
- ☐ B ada udang di balik batu
- ☐ C ada pasang surutnya
- ☐ D ada gula ada semut

19. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Mak Cik Sarah amat menyayangi anaknya. Dia menjaga anaknya dengan baik sekali.

- ☐ A seperti cacing kepanasan
- ☐ B seperti pisau bermata dua
- ☐ C seperti rusa masuk kampung
- ☐ D seperti menatang minyak yang penuh

20. Hafizi dan Haikal adik-beradik tetapi tingkah laku mereka sangat berbeza seperti _____.

- ☐ A aur dengan tebing
- ☐ B langit dengan bumi
- ☐ C pahat dengan penukul
- ☐ D mentimun dengan durian